

24/06/2002

Rakyat anggap pengorbanan PM besar

KUALA LUMPUR, Ahad - Orang ramai menyatakan sokongan mereka terhadap keputusan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menarik balik peletakan jawatannya dan menganggapnya sebagai satu pengorbanan besar oleh Perdana Menteri.

Mekanik, Alagiry Thirumalai, 32, berkata Dr Mahathir harus mengekalkan jawatannya selagi mampu supaya kemajuan yang dibawanya kepada Malaysia selama ini dapat diteruskan pada masa depan.

"Malaysia mula terkenal di mata dunia sejak Dr Mahathir menerajui pentadbiran negara. Maka, beliau harus meneruskan kepemimpinannya," katanya ketika ditemui, di sini, hari ini.

Pegawai Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Melaka, Sani Hassan, 44, berkata, rakyat dan negara luar percaya dengan kewibawaan Dr Mahathir.

"Namun, jika Dr Mahathir berasa sudah uzur dan ingin berehat, kita perlu hormat keputusannya kerana penggantinya pasti ada," katanya ketika ditemui di sini, hari ini.

DI SEREMBAN, rakyat negeri itu terharu dengan kesediaan Dr Mahathir menarik balik peletakan jawatannya, semalam.

Ia dilihat sebagai satu pengorbanan yang paling besar bagi seorang pemimpin negara yang berwibawa, berpengetahuan luas dalam mentadbir serta memajukan negara.

Seorang jurutera, A Sathiam, 47, berkata keputusan itu melegakan rakyat kerana banyak yang terkejut dengan keputusan yang dilakukannya semalam.

Katanya, rakyat negara ini masih lagi memerlukan pengetahuan serta pengalamannya dalam memajukan negara ini.

"Disebabkan cara pemikiran beliau dalam membangun, memajukan negara ini, negara kita sudah dikenali di serata dunia malah dihormati oleh negara maju yang lain," katanya.

Seorang kakitangan swasta, Abdul Aziz Jantan, 41, berkata selama 21 tahun, Dr Mahathir melakukan banyak perubahan tidak hanya dalam pembangunan, malah meningkatkan ekonomi dan menjadikan Malaysia sebagai negara yang disegani di peringkat antarabangsa.

"Apa yang difikirkan beliau bagi sesuatu projek di negara ini adalah sesuatu yang akan membawa keuntungan dalam suatu jangka masa panjang walaupun banyak menerima kritikan dari segelintir rakyat yang cetek pemikirannya.

"Contohnya pembinaan Litar Antarabangsa Sepang, Lapangan Antarabangsa Kuala Lumpur yang kini banyak manfaatnya," katanya.

Di IPOH, kakitangan kerajaan, Shamsudin Abdul Ghani, 38, berkata Perdana Menteri diharap kekal mengetuai Umno walaupun tahu beliau seorang pemimpin yang tegas serta tidak pernah menarik balik keputusan yang dibuat.

"Saya tahu cara Dr Mahathir berfikir dan amat berharap beliau tidak berubah fikiran.

"Negara masih memerlukan Dr Mahathir dan saya harap biarlah Perdana Menteri terus bekerja selagi terdaya," katanya yang mengakui sehingga hari ini masih tergamam dengan pengumuman yang dibuat Dr Mahathir.

Shamsudin berkata, beliau terkejut dan menitiskan air mata apabila melihat Dr Mahathir membuat pengumuman itu melalui televisyen semalam.

"Saya fikir, rakyat Malaysia terutama kaum Melayu perlu berfikir semula dan merenung kembali keadaan kita sekarang.

"Usahlah lagi bergantung kepada subsidi atau bantuan kerajaan. Renunglah apa yang sudah dilakukan Dr Mahathir, terutama pengorbanan yang

dilakukannya," katanya.

Peniaga, Zainiah Yaacob, 60, berkata beliau cukup sedih dengan pengumuman Dr Mahathir kerana beliau pemimpin yang banyak berjasa kepada negara.

"Saya terkejut dengan pengumuman itu. Ianya seolah-olah mendapat berita kematian seseorang.

"Saya cukup sedih dan menangis umpama meratapi pemergian seseorang," katanya.

Zainiah berkata, kepimpinan Dr Mahathir amat diperlukan negara malah semangatnya menjadi pendorong kepada rakyat untuk berusaha lebih gigih.

DI Georgetown, bekas guru, Azmi Iskandar Merican, berkata pengumuman Perdana Menteri yang juga Pengerusi Umno dan Barisan Nasional (BN) untuk melepaskan semua jawatannya dalam parti dan kerajaan ketika menggulung perbahasan di Persidangan Perwakilan Umno di PWTC, Kuala Lumpur semalam sangat mengejutkan.

"Dr Mahathir berbuat demikian mungkin kerana terlalu kecewa dengan keadaan orang Melayu yang masih belum banyak berubah terutama dalam bidang ekonomi, walaupun beliau sudah berjuang untuk menaikkan martabat serta maruah orang Melayu sejak dilantik menjadi Perdana Menteri," katanya ketika dihubungi, di sini, hari ini.

Bagaimanapun, Azmi berkata, beliau lega kerana Dr Mahathir menarik balik keputusannya itu dan berharap Perdana Menteri akan terus memimpin negara bagi memantapkan lagi perjuangan orang Melayu yang masih belum selesai.

Katanya, ini kerana kepimpinan Dr Mahathir terus diperlukan terutama bagi memperjuangkan nasib orang Melayu dalam bidang politik, ekonomi dan sosial dalam era globalisasi yang semakin mencabar.

Sementara itu, pensyarah institusi pengajian swasta, Ismail Hashim, 39, berkata Dr Mahathir perlu meneruskan kepimpinan negara, kerana sumbangan beliau masih dikehendaki, bukan saja di negara ini tetapi di peringkat antarabangsa sebagai wakil dan jurucakap dunia ketiga serta dunia Islam.

"Dr Mahathir tidak perlu meletakkan jawatannya, kerana masih banyak yang beliau boleh sumbangkan kepada rakyat dan negara, juga kepada dunia ketiga serta dunia Islam yang kini sedang menghadapi pelbagai konflik serta kacau-bilau," katanya.

DI KOTA BHARU, Idris Salleh, 73, dari Kampung Wakaf Bharu, Tumpat, berkata ketika bangsa Melayu berada dalam keadaan tidak seimbang walaupun banyak nasihat dan tunjuk ajar diberikan, ia tidak boleh dijadikan alasan Perdana Menteri untuk meletak jawatan.

Noriskandar Ahmad, 31, dari Kota Bharu, berkata Dr Mahathir sebagai pejuang bangsa Melayu yang disegani pemimpin dan rakyat seluruh dunia, adalah tidak wajar beliau berundur begitu saja dengan meninggalkan banyak agenda belum diselesaikan.

DI MELAKA, pemandu, Mahmud Ahmad, berkata Dr Mahathir masih belum boleh untuk meletakkan jawatan sebagai Presiden Umno dan Pengerusi BN kerana negara masih lagi memerlukan kepimpinan beliau.

Di JOHOR BAHRU, eksekutif swasta, Shazali Musa, 34, berkata keputusan Perdana Menteri adalah amaran awal supaya bangsa Melayu lebih bersedia jika kehilangan pemimpin yang berkaliber yang berusaha memartabatkan bangsanya sendiri.

Beliau mengakui, Dr Mahathir sentiasa berusaha meningkatkan tahap sosio-ekonomi bangsa Melayu dan mempunyai cita-cita tinggi untuk menjadikan bangsa Melayu antara bangsa yang disegani dan dihormati di dunia ini.

Oleh itu, beliau berpendapat, pemimpin Melayu perlu menilai dan mengkaji dengan mendalam terhadap keputusan mengejut oleh Dr Mahathir yang kelihatan agak kecewa dengan sikap segelintir bangsa Melayu yang tidak berusaha bersungguh-sungguh membantu beliau mencapai matlamat perjuangan Umno.

"Dr Mahathir boleh diibaratkan sebagai seorang bapa yang sentiasa berusaha memberi kebaikan dan kemakmuran kepada ahli keluarga tetapi usaha itu akan sia-sia jika mereka sendiri tidak menghargainya.

"Biasanya sebagai bapa, beliau akan mendiamkan diri atau marah apabila kecewa dengan sikap anak-anaknya yang tidak mengambil berat segala pengorbanannya," katanya ketika ditemui di sini hari ini.

Eksekutif swasta, Jamaluddin Jamil, 37, berkata rakyat masih memerlukan kepimpinan dan kepakaran Dr Mahathir membangunkan sosio-ekonomi bangsa Melayu dan negara ini.

Katanya, rakyat sukar menerima keputusan peletakan jawatan Dr Mahathir sama ada dalam parti Umno atau kerajaan kerana beliau mempunyai pandangan dan wawasan yang kreatif dan inovatif.

"Sehubungan itu, pemimpin dan ahli Umno mahu atau tidak hendaklah mematuhi, mengikuti dan melaksanakan apa jua perancangan pembangunan yang direncanakan Presiden Umno demi kepentingan bangsa.

"Bangsa Melayu akan tertinggal dan masih berada di takuk lama jika tidak dapat turut serta perjuangan Dr Mahathir yang sudah banyak berkorban kepada bangsa, agama dan negara," katanya.

Pekerja, Abdul Syamsi Dawood pula menjelaskan, Perdana Menteri sudah membuktikan keupayaannya sebagai pemimpin bangsa Melayu yang dihormati masyarakat di peringkat antarabangsa.

Oleh itu, katanya, rakyat masih memerlukan khidmat Dr Mahathir yang mempunyai pandangan jauh bagi mengemudi negara ini mencapai kemajuan dan pembangunan yang lebih baik pada masa akan datang.

"Kami sentiasa menghargai jasa Dr Mahathir dalam membangunkan negara ini dan biarlah beliau terus menerajui kerajaan kerana dia mampu mengubah nasib bangsa Melayu.

"Kami turut mendoakan supaya beliau sentiasa sihat dan dapat memimpin kerajaan lebih lama," katanya.

(END)